## UPM hargai sumbangan industri dan komuniti

**Oleh Nurul Syuhadah Bt Mohamad Ali**
**Foto Oleh Noor Azreen Awang**



**SERDANG, 12 Feb** ï Universiti Putra Malaysia (UPM) menghargai sumbangan industri dan komuniti UPM pada majlis makan malam ôUPM ï Industry Networking Night-Nurturing Partnership in Urban Agricultureôdi sini kelmarin.

Majlis itu menghargai sumbangan industri dan komuniti kepada kecemerlangan UPM selain mengeratkan kerjasama kedua belah pihak.

Naib Canselor UPM, Prof. DatoôDr. Mohd Fauzi Ramlan berkata majlis makan malam itu menghargai sumbangan industri dan komuniti UPM dalam memacu pembangunan negara.

ñPemilihan penerima anugerah majlis ini menilai kemajuan dan kecemerlangan industri, sementara Anugerah Pusat Tanggungjawab (PTJ) Cemerlang menilai aspek penyediaan kemudahan untuk pekerja dan aktiviti bagi memupuk keharmonian di PTJ,ò katanya.



Sebanyak empat kategori anugerah yang telah diberikan iaitu:-

i. Anugerah Industri Berimpak Tinggi - CES Co. Ltd, Huawei Technologies Sdn. Bhd. dan HP (M) Sdn. Bhd.

ii. Anugerah Jaringan Komuniti Berimpak Tinggi - Komuniti Batu Talam Pahang, Komuniti Parlimen Pasir Gudang Johor, Komuniti Mukim Sungai Galah Perak.

iii. Anugerah PTJ Cemerlang Dalam Jaringan Industri dan Komuniti Berimpak Tinggi - Fakulti Pertanian dan Fakulti Pengajian Pendidikan.

iv. Anugerah Staf Cemerlang Dalam Jaringan Industri/Komuniti Berimpak Tinggi:

- Prof. Dr. Mohd Ali Hassan, Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul.
- Dr. Salmi Baharom, Fakulti Sains Komputer & Teknologo Maklumat.
- Roszini Mohamad Nor, Pegawai Tadbir, Akademik Sukan.
- Farihah Liyana Khalid, Pegawai Sains, Institut Penyelidikan Produk Halal.
- Prof. Madya Dr. Yahya Awang, Fakulti Pertanian.
- Prof. Madya Dr. Khairuddin Idris, Fakulti Pengajian Pendidikan.

- Mohd. Ghazali Mohd. Satar, Pegawai Pertanian, Fakulti Pertanian

- Zaidi Tajuddin, Pegawai Pertanian, Pusat Transformasi Komuniti Universiti.

**RSS | Dasar Privasi | Dasar Keselamatan | Penafian | Notis Hakcipta | Peta Laman | Bantuan| Jumlah Pelawat : 4562095**
**Paparan terbaik menggunakan Internet Explorer, Safari, Firefox, Google Chrome dengan resolusi 800 x 600 dan 1024 x 768 (S1)**

**@2013 Universiti Putra Malaysia**
**Kemaskini Terakhir : 19 Mar 2014**